

12 FEB 1996

Mahathir - Dadah

KERAJAAN SIASAT KEKASARAN DI PUSAT SERENTI, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan menyiasat dakwaan penghuni-penghuni pusat pemulihan dadah yang mereka dikasari.

Perdana Menteri berkata tindakan kasar seperti menendang dan memukul penghuni pusat serenti mesti dihentikan.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa pusat serenti adalah tempat untuk memulihkan penagih dan peraturan-peraturannya sememangnya ketat untuk menentukan keberkesanan program pemulihan.

"Pusat serenti bukannya tempat percutian tetapi ia tempat hendak berubat orang yang membuat kesalahan menagih dadah," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Bandar Bukit Kayu Hitam hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, diminta mengulas mengenai dakwaan mengenai keadaan yang tidak selesa dan layanan kasar para pegawai terhadap penghuni pusat-pusat serenti.

Beliau berkata kerajaan tidak mampu menyediakan layanan seperti pusat peranginan kepada penghuni di pusat serenti kerana "layanan yang lembut lembai tidak akan mendatangkan manfaat kepada mereka (penagih)."

"Kalau begitu senang...mereka masuk ke situ dan berehat, kemudian kepada kerja lama (menagih dadah), mana ada hukuman.

"Kalau suruh hentikan kekasaran, itu kita boleh hentikan tetapi kalau hendak pusat serenti yang selesa, maaflah," katanya.

Beliau berkata bahawa peraturan dan layanan di pusat serenti perlu keras bagi menentukan penghuninya mematuhi arahan.

Dr Mahathir, yang mempengerusikan Majlis Dadah Kebangsaan, berkata bahawa masalah penagihan dadah amat sukar untuk ditangani serta membebankan fizikal dan mental, termasuk kepada sanak saudara dan keluarga penagih itu sendiri.

"Saya tahu kerana kerana saya juga mempunyai ahli keluarga yang terlibat dengan dadah. Macam-macam dibuatnya, sampai hendak bunuh orang, sehingga orang lain takut...semua kerana hendak mendapatkan dadah," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada program pemulihan sedia ada perlu dikaji semula, Dr Mahathir berkata beliau bersedia menerima sebarang cadangan yang lebih baik daripada kaedah yang diamalkan sekarang.

Katanya kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk program itu tetapi bekas penagih kebanyakannya tidak insaf dan kembali kepada cara hidup yang lama.

"Mereka ini sedikitpun tidak berterima kasih. Mereka bukan ada rasa tanggungjawab langsung kepada diri, keluarga dan masyarakat, tetapi mereka mengharapkan masyarakat untuk bertanggungjawab kepada mereka," katanya.

Ketika ditanya mengenai pendapat sesetengah pihak kononnya pusat serenti lebih merupakan pusat tahanan daripada pusat pemulihan, Dr Mahathir berkata dakwaan itu ada kebenarannya kerana seseorang itu perlu ditahan untuk menjalani pemulihan.

Mengenai dakwaan bahawa pusat serenti tidak mempunyai pakar psikologi yang mencukupi, beliau berkata tenaga pakar psikologi di negara ini terlalu kecil.

"Nak cari pakar psikologi bukannya senang tetapi kalau ada sesiapa yang ingin berkhidmat secara sukarela di pusat serenti, kita bersedia ambil mereka bila-bila masa," katanya.

Dr Mahathir berkata program pemulihan penagih dadah akan diteruskan tetapi kerajaan tidak mampu untuk menyediakan tempat pemulihan yang lebih selesa.

Katanya kerajaan boleh sediakan pusat yang selesa dan luas sekiranya diminta oleh rakyat tetapi ia perlu mengurangkan perbelanjaan untuk program pembangunan lain.

"Kita ada (wang) banyak itu sahaja, tetapi kalau kita disuruh tambah belanja untuk itu (pusat pemulihan) kita boleh tetapi yang lain kita potonglah ... bantuan untuk orang miskin kita potong," katanya.

Beliau berkata bahawa masalah penagihan dadah di negara ini amat serius dan daripada perangkaan yang ada, lebih 200,000 orang rakyat terlibat.

Katanya jumlah itu cuma perangkaan rasmi tetapi daripada pengalaman lepas bagi setiap seorang penagih yang dikenal pasti mungkin terdapat lima penagih lain yang tidak diketahui.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa tidak puas hati dengan sikap orang ramai yang memandang serong dan tidak bersedia untuk membantu bekas penagih.

"Penerimaan orang ramai amat buruk. Bila tengok keluar pusat serenti dah tak mahu bagi kerja, tidak percaya. Malahan, ada ibubapa yang tidak mahu menerima anak," kata beliau. -- BERNAMA

MFJ MAI